

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

STU 451 - Perundangan Sosial

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan semuanya. Soalan **SATU WAJIB** dijawab. Setiap soalan mempunyai markah yang sama.

1. Setiap warganegara patut memahami cara-cara kerajaan berfungsi dan mengambil tahu tentang peranan serta tanggungjawab tiap-tiap badan kerajaan yang utama, yakni Parlimen (dan Majlis Perundangan Negeri), Kabinet (dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri) serta Kehakiman.

Anda telah diundang untuk memberi ceramah mengenai topik ini dalam sesuatu perjumpaan belia. Sediakan ceramah tersebut dengan menyentuh tentang fungsi-fungsi dan peranan badan-badan kerajaan yang tersebut di atas. Nyatakan juga tugas-tugas dan hak-hak warganegara dalam memastikan bahawa operasi kerajaan adalah ke arah mencapai keadilan sosial.

(100 Markah)

2. Sila jawab bahagian [a] **ATAU** [b]:-

- [a] Semasa menghadiri seminar kebangsaan mengenai Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCED - The United Nations Conference on Environment and Development) pada bulan September 1992, Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah menyatakan bahawa Malaysia tidak akan menerima industri-industri yang mengancam alam sekitar.

Sebulan sebelum itu, beliau juga telah menekankan kepentingan adanya penilaian kesan alam sekitar (EIA) dalam perancangan projek.

Tulis sebuah memorandum kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan memberikan pandangan-pandangan anda mengenai kedua-dua isu ini serta berikan syor-syor untuk memperbaiki undang-undang yang berkenaan.

(100 Markah)

- [b] Sekumpulan penduduk dari sebuah perkampungan di Seberang Perai telah datang untuk mendapatkan nasihat anda. Mereka terdiri daripada nelayan dan petani yang telah menduduki perkampungan tersebut selama 40 tahun.

Pada tahun 1989, sebuah kilang yang mengeluarkan racun makhluk perosak (pesticides) bagi kegunaan tempatan serta untuk dieksport ke luar negeri telah didirikan di kawasan perkampungan tersebut.

Menjelang tahun 1992, sisa-sisa buangan kilang tersebut telah mengakibatkan kematian ikan-ikan di sungai yang berdekatan. Hasil padi musim yang lepas juga termusnah kerana penumbuhan padi terbantut dan pokok padi juga mengering. Kehidupan penghuni perkampungan tersebut turut terjejas.

Oleh yang demikian, penduduk-penduduk perkampungan tersebut ingin tahu apakah tindakan-tindakan yang boleh mereka ambil. Nasihatkan mereka.

(100 Markah)

3. Sila jawab [a] ATAU [b]

- [a] Kalau anda diberikan tugas untuk menggubal undang-undang mengenai pengiklanan, apakah ciri-ciri utama yang akan anda tekankan?

Apakah kesan-kesan sosial pengiklanan yang mesti dikawal oleh undang-undang?

Apakah undang-undang/garis panduan yang mengawal pengiklanan pada masa in? Adakah ia memadai?

(100 Markah)

- [b] Adakah pengguna-pengguna di Malaysia diberi perlindungan undang-undang yang mencukupi untuk menegakkan hak-hak mereka sebagai pengguna?

Apakah kelemahan-kelemahan yang wujud dalam undang-undang sekarang yang berkaitan dengan hak pengguna?

(100 Markah)

... 3/-

4. Sila jawab [a] ATAU [b]

- [a] Beberapa orang pekerja daripada sebuah kilang elektronik telah datang berjumpa dengan anda dan ingin tahu apakah hak-hak mereka di bawah undang-undang buruh di Malaysia. Nasihatkan mereka.

Bincangkan sama ada undang-undang buruh yang ada masa kini memadai untuk melindungi kepentingan para pekerja ataupun ia perlu diperbaiki.

(100 Markah)

- [b] Bincangkan kedudukan penyewa-penyewa (tenants) di negara ini dari segi hak-hak mereka di sisi undang-undang.

Apakah perubahan-perubahan yang harus dilakukan terhadap undang-undang yang berkenaan?

(100 Markah)

- 0000000 -